UNIVERSITI ISLAM: KONSEP DAN HAKIKAT

● SEBAHAGIAN dari kampus Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi. Mungkinkah Universiti Islam akan ditumpangkan di sini di peringkat permulaannya?

Oleh AMIR HAMZAH SHAMSUDDIN

KEDAHAGAAN kepada ilmu pengetahuan di kalangan umat Islam di seluruh dunia semakin ketara sekarang ini. Dianggarkan hampir 300,000 pelajar Islam kini sedang menuntut berbagai bidang ilmu di negara-negara bukan Islam, terutamanya di Barat.

Ini menunjukkan dengan jelas, umat dan negara-negara Islam menganggapsemua bidang ilmu amat penting dipelajari dan digunakan untuk membangun negara dan rakyatmasing-masing. Dengan yang demikian, lebih membangun sesebuah negara itu lebih banyaklah ia menghantar anak-anak mudanya menuntut ke luar negeri.

Tetapi mengapa di luar negeri dan di negara-negara bukan Islam pula?

Sebabnya amat ketara. Mereka tidak mempunyai kemudahan pengajian tinggi yang mencukupi di negara mereka sendiri dan tidak pula di negara-negara Islam yang lebih maju. Tanpa kemudahan ini dan didorong oleh keperluan yang semakin mendesak negara-negara Islam itu tidak mempunyai pilihan kecuali menghantar pelajar-pelajar menuntut ke negara-negara bukan Islam.

Keadaan yang sama dialami juga oleh negara ini sendiri. Walaupun terdapat lima buah pusat pengajian tinggi di sini sekarang, keupayaan kesemuanya sekali masih belum cukup bagi menampung keperluan belajar yang lebih besar.

Dianggarkan kini terdapat antara 15,000 hingga 20,000 pelajar Islam dari Malaysia yang sedang menuntut di luar negeri — suatu jumlah yang lebih besar dari yang mampu ditampung oleh dua buah universiti kita.

Tidak dapat dinafikan faedah yang dapat ditimba semula oleh negara-negara Islam dari pelajar-pelajar yang telah lulus pengajian di luar negeri itu amat banyak. Tetapi kekurangan-kekurangannya bukanlah tidak ada dan bukan pula tidak disedari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengakui hakikat ini. Dalam satu pertemuan khas dengan beliau Khamis lalu, Perdana Menteri menyebut kejutan budaya (cultural shock) yang mengakibatkan berkurangnya kegunaan penuh pelajar-pelajar itu kepada negara kemudiannya sebagai keburukan paling besar.

Terdedah

Pelajar-pelajar muda yang dihantar menuntut ke negara-negara bukan Islam, tegas beliau, sentiasa terdedah secara mendadak kepada nilai-nilai hidup dan kebudayaan yang sama sekali bertentangan dengan nilai-nilai asal mereka.

Kejutan budaya yang timbul dari pertembungan yang mendadak ini menyebabkan kebanyakan dari pelajar-pelajar muda itu tenggelam punca. Setengahnya terus terpengaruh dengan kebudayaan barat, terutama ciri-ciri tidak baiknya, sehingga mereka membelakangkan nilai-nilai hidup dan kebudayaan Islam.

Setengah yang lain, tambah Dr Mahathir mengalami penentangan jiwa menyebabkan mereka terlalu menolak apa yang terdapat di barat. Mereka cuba mengasingkan diri sama sekali dari segala pengaruh barat, termasuk pengaruh yang baik.

Cuma sebilangan kecil saja dari pelajar-pelajar tersebut yang dapat mengekalkan keseimbangan nilai — menerima yang baik dari barat tetapi terus berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam.

Kedua golongan yang terpengaruh dengan barat itu dan yang menolaknya sama sekali, apabila kembali ke tanah air tidak dapat lagi memahami keadaan dan perkembangan dalam negeri. Malah ada yang merasa segala yang berlaku dan dilaksanakan di negara mereka sendiri itu salah belaka.

"Jadi kegunaan sebenar mereka kepada negara berkurangan," tegas Datuk Seri Dr Mahathir. "Mereka tidak dapat menyumbangkan semula sepenuhnya hasil ilmu yang mereka dapati di barat itu.

"Kerana ini semualah kita berpendapat amat penting disediakan kemudahan-kemudahan pengajian tinggi yang cukup di negara-negara Islam sendiri."

Dan inilah yang bermain dalam kepalanya sejak beberapa tahun yang lalu. Beliau membincangkannya dengan tokoh-tokoh pendidik dalam dan luar negeri dan akhirnya wujudlah gagasan Universiti Islam Antarabangsa.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong antara lain turut membincangkan gagasan ini dengan Al-Malik Khalid sewaktu kunjungan Baginda ke Arab Saudi baru-baru ini dan ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Dalam kunjungan Perdana Menteri ke negara-negara Teluk yang lepas pula, beliau mengemukakannya kepada pemimpin-pemimpin negara Islam itu. Sambutan dan sokongan dari negara-negara Islam inilah yang menjadikan Universiti Islam Antarabangsa itu suatu gagasan yang konkrit sekarang.

Beliau membuat pengumuman rasmi yang pertama mengenainya setibanya kembali di Lapangan Terbang Subang 7 Mac lalu — dengan kenyataan bahawa Universiti Islam Antarabangsa itu akan bermula tahun depan di sebuah bangunan sementara di Kuala Lumpur.

Dalam pertemuan Khamis lalu, Perdana Menteri menjelaskan lagi konsep Universiti Islam Antarabangsa itu. Ia, tegas beliau, adalah berdasarkan universiti-iniversiti di dunia Islam pada zaman kegemilangannya dulu, terutamanya seperti yang terdapat di Sepanyol dan di negara yang bernama Iraq sekarang.

"Dulu universiti-universiti ini dipanggil Universiti Islam," jelas beliau. "Hakikat sebenarnya ialah kesemuanya merupakan pusat-pusat pengajian tinggi yang terletak di negara Islam.

"Pelajarannya memang berasaskan agama, tetapi lain-lain mata pelajaran diajarkan bersama."

Penyelidikan dalam bidang-bidang hisab, sains, astrologi, astronomi dan alkemi berkembang dengan pesatnya di universiti-universiti tersebut masa itu.

Zaman

Universiti-universiti Islam ini ketika itu membukakan juga pintunya kepada pelajar-pelajar bukan Islam. Malah sebahagian dari tenaga pengajarnya juga bukan Islam. Dengan jalan inilah hasil penyelidikan bidang-bidang ilmu sains dan matematik yang pesat ketika itu akhirnya sampai kepada orang-orang Barat, terutamanya di zaman Pembaharuan (Renaissance).

Anehnya sekarang ini, semua bidang ilmu yang bukan ilmu keagamaan itu dikenali sebagai ilmu barat. Bagaimanapun, beberapa nama para ilmuan Islam yang terkenal terus kekal, seperti Ibn Sinnah, Ibn Khaldun, Ibn Rushd dan lain-lain — dengan sebutan yang telah diubah mengikut sebutan barat.

"Jadi Universiti Islam Antarabangsa yang kita anjurkan itu adalah gagasan baru dari idea lama," jelas Datuk Seri Dr Mahathir. "Ia dinamakan Univertiti Islam kerana kepunyaan umat Islam dan di tempatkan di negara Islam."

"Khususnya ia terbuka kepada orang Islam dan falsafahnya berasaskan ajaran Islam. Sebahagian daripada pengajiannya adalah berkaitan dengan agama Islam dalam segala aspeknya.

"Tetapi ia dikenali sebuahUniversitiantarabangsa kerana bukan kepunyaan Malaysia sendiri sebaliknya kepunyaan umat Islam seluruh dunia. Ia akan dibiayai oleh sumbangan dari negara-negara Islam, terutama Malaysia."

Oleh kerana Universiti Islam Antarabangsa itu bukan kepunyaan Malaysia sendiri, tegas Perdana Menteri lagi, maka syarat-syarat yang dikenakan kepada universiti-universiti di Malaysia tidak akan dikuatkuasakan kepadanya.

Ini samalah dengan yang berlaku kepada Pusat Pendidikan Sains dan Matematik Serantau (RECSAM) di Pulau Pinang dan Institut Penyiaran Tun Abdul Razak di Angkasapuri. Bagaimanapun, supaya ia nanti tidak bertentangan dengan kepentingan Malaysia, beberapa syarat yang wajar akan diadakan.

Bahasa

Bahasa yang akan digunakan di Universiti ini nanti jelas Dr Mahathir, ialah bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Beliau berkata, "Bahasa Inggeris kita gunakan kerana kita hendak mendapat ilmu dengan cepat. Berbagai bidang ilmu di universiti-universiti Arab sendiri disampaikan dalam bahasa Inggeris hingga sekarang. Tetapi ini cumalah suatu perkara yang sementara saja."

"Kita berharap bahasa Arab suatu hari nanti akan menjadi bahasa pengantar tunggalnya apabila segala ilmu sudah ada punca-puncanya dalam bahasa itu."

Bahasa Malaysia pula mungkin menjadi satu mata pelajaran dan juga bahasa pentadbiran.

Sesuai dengan matlamat penubuhannya, maka majoriti tenaga pengajarnya — mungkin 80 peratus, kata Dr Mahathir — akan terdiri dari orang-orang Islam dari seluruh dunia. Tetapi sebahagian yang lain akan terdiri dari tenaga bukan Islam.

Corak yang serupa akan berlaku pada bilangan penuntutnya — kira-kira 80 peratus pelajar Islam dan 20 peratus lagi bukan Islam. Ini tegas Dr Mahathir adalah keadaan yang wujud di universiti-universiti Islam zaman dulu bila ramai pelajar bukan Islam juga turut belajar di dalamnya.

Bagaimanapun kerana ia sebuah universiti berasaskan Islam beberapa mata pelajaran, seperti tamadun dan falsafah Islam, akan diwajibkan kepada semua pelajar.

"Kita harap dapat memulakan universiti ini tahun depan di tempat sementara," kata beliau. "Kita sedang mencari tempat yang sesuai untuk bangunan kekalnya."

Bangunan

Sebuah jawatankuasa terdiri dari berbagai tokoh pelajaran dari dunia Islam termasuk dari negara-negara Arab akan ditubuhkan untuk merangka penubuhan universiti ini.

Perdana Menteri berharap Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia ini akan merupakan suatu permulaan. "Satu hari nanti kita harap banyak lagi Universiti Islam Antarabangsa akan wujud di dunia Islam."

Bagaimana halnya nanti sesudah Universiti Islam Antarabangsa ini berjalan sepenuhnya?

"Kita tidak berhajat untuk memisahkan diri terus dari pengajian tinggi di negara-negara Barat," jelas Dr Mahathir. "Tetapi yang pergi mestilah terdiri oleh penuntut-penuntut yang sudah matang (post graduate dan research students).

"Ini tidak bermakna yang Universiti Islam Antarabangsa nanti tidak menyediakan kemudahan-kemudahan pengajian post-graduate dan penyelidikan. Namun kita perlu terus mengadakan pertukaran pengetahuan (interchange of knowledge) antara kita dengan orang-orang dari negara lain."

Perdana Menteri juga menekankan perlunya diwujudkan taraf pelajaran yang tinggi dengan menggunakan ukuran dan kaedah yang biasa di universiti-universiti yang lain. Dengan itu syarat kelayakan masuk yang tinggi akan dikekalkan dan pencapaian yang cemerlang menentukan kelulusan.

DALAM KUNJUNGAN PM KE NEGARA-NEGARA TELUK BELIAU MENGEMUKAKAN GAGASAN UNIVERSITI ISLAM KEPADA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA ISLAM. DARI SAMBUTAN DAN SOKONGAN MENJADIKAN IA KONKRIT SEKARANG

198

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia